

TEORI PERKEMBANGAN MORAL KOGNITIF DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN PERTIMBANGAN MORAL, KECEKAPAN MORAL DAN KEPUTUSAN MORAL

Nurull Hayati Latif¹, Mazlina Jamaludin², Mohd Amin Zakaria³, Ishanuddin Hussin⁴
dan Latif Anwar⁵

^{1, 2, 3, 4} Politeknik Sultan Idris Shah, Malaysia.

nurullhayati@psis.edu.my¹

mazlinajamaludin1973@gmail.com²

amin.jph@psis.edu.my³

ishanuddin@psis.edu.my⁴

⁵Universiti Putra Malaysia, Malaysia.

Penulis koresponden: mazlinajamaludin1973@gmail.com

Abstrak: Pendekatan moral kognitif menjadi tunjang kepada cara membuat keputusan terutamanya apabila melibatkan isu seperti wabak COVID-19, bencana kemalangan udara MH570 dan MH017 pada tahun 2014, dan fenomena jerebu pada tahun 2015. Elemen pertimbangan moral, kecekapan moral dan keputusan moral daripada sudut etika, dasar, peraturan, undang-undang, ihsan, sering menjadi antara faktor-faktor yang perlu diberikan perhatian untuk membuat keputusan yang adil, saksama, tepat serta berkesan mengikut tempoh yang ditetapkan. Ini merupakan sebahagian daripada cabaran dan dilema dalam membuat keputusan moral dikalangan semua pentadbir. Pentadbir perlu menilai secara kognitif sebelum membuat keputusan moral agar tindakan moral berjaya menyelesaikan masalah dalam jangka masa pendek mahupun jangka masa panjang. Tindakan tersebut perlu memberi manfaat kepada seluruh organisasi dalaman dan luaran bagi mengurangkan tekanan konflik. Kertas kajian ini bertujuan membincangkan penggunaan teori perkembangan moral kognitif dalam membuat keputusan moral secara rasional. Antara teori perkembangan kognitif yang dibincangkan adalah teori perkembangan kognitif oleh Piaget (1965), Kohlberg (1979, 1981, 1991), Rest (1979), dan Model Dual Aspek Lind (2004) sebagai dasar kepada perbincangan kajian ini.

Kata kunci: Pertimbangan moral, kecekapan moral dan Perlakuan moral.

1.0 Pengenalan

Pengumuman oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020 tentang pandemik penularan 'virus corona' yang berasal daripada keluarga '*Coronaviridae*' boleh menyebabkan penyakit kepada mamalia dan burung telah mengejutkan semua pihak di seluruh dunia. Cabaran masyarakat menangani permasalahan global adalah dari aspek kesihatan, keselamatan, kebersihan, sosial dan nasional telah mendorong kerajaan Malaysia meluluskan perintah kawalan yang bermula pada 18 Mac 2020 bagi seluruh negara. Lantas, ekonomi negara telah turut terjejas dan mengalami saat kesukaran disebabkan situasi global. Namun, ini merupakan cabaran terbesar kepada pihak kerajaan Malaysia yang baru menerima peralihan kuasa politik. Situasi pasaran global yang tidak menentu mengenai masa hadapan

telah memberikan tekanan yang hebat kepada semua pentadbir dan pemimpin di setiap peringkat organisasi. Pemimpin dan pentadbir di semua organisasi terutamanya yang berada di barisan utama berhadapan dengan ujian untuk membuat keputusan dan tindakan yang terbaik dalam memberikan manfaat kepada semua penduduk di Malaysia bagi tujuan keselamatan dan kesejahteraan di masa hadapan. Keadaan ini telah memperlihatkan kepimpinan, kebolehan, kecekalan, kesatuan, kesepakatan para pentadbir dan ahli politik dalam membuat keputusan dalam penyusunan strategi menangani masalah pandemik secara berhemah. Pengumuman khas oleh Perdana Menteri Malaysia Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 16 Mac 2020 adalah '*...membendung penularan wabak COVID-19 yang berkemungkinan meragut nyawa rakyat negara...*' dilihat sebagai langkah yang matang tetapi teguh dengan strategi yang bersepadu dibawah Majlis Keselamatan Negara dalam mengharungi wabak COVID-19 (Perdana Menteri Malaysia, 2020).

Dalam situasi global seperti wabak COVID-19 pada tahun 2020, bencana kemalangan udara bagi kapal terbang MH570 dan MH017 pada tahun 2014 (PEMANDU, 2014) dan fenomena jerebu yang telah menjejaskan kualiti udara negara (PEMANDU, 2015) merupakan sebahagian daripada tindakan keputusan moral, pertimbangan moral dan kecekapan moral yang telah diambil dan ditangani oleh para pemimpin dan pentadbir, dilihat merupakan sebahagian daripada keputusan sains kognitif moral. Semua situasi tersebut memerlukan keseimbangan pemikiran yang rasional dalam membuat keputusan moral kerana melibatkan isu-isu yang sangat sensitif untuk ditangani bagi kepentingan semua pihak. Keputusan yang diambil melibatkan hubungan sesama manusia seperti mereka yang berada di bidang pentadbiran, perundangan, pendidikan, perubatan yang berkaitan dengan melibatkan keselamatan masyarakat di dalam dan di luar negara bagi kelangsungan hidup.

Terdahulu, para penyelidik di dalam bidang psikologi kurang menggunakan pendekatan ideologi berasaskan moral kognitif dalam membuat keputusan moral kerana metodologi kajiannya yang terlalu longgar. Malah, ia menjadi pertikaian dalam membuat keputusan dan wujudnya salah fah terhadap aspek falsafah moral kognitif. Namun, kebelakangan ini, penggunaan metodologi moral kognitif dari aspek emosi, sentiment moral, intuisi, semakin jelas, bersistematik dan lebih saintifik. Oleh itu, ramai pengkaji semakin ramai sedang meneroka isu-isu keberkesanan pemikiran pentadbir (Nilsen, 2020) dalam menyelesaikan masalah. Antara aspek yang dikaji adalah tindakan pemikiran kognitif moral dalam kalangan individu, jantina, mahupun jenis pekerja (Standing, 2020). Penyelidik masih mempunyai ruang yang luas untuk menerokai kajian pertimbangan kognitif moral kerana wujudnya kekeliruan daripada aspek budaya silang, nilai hidup, nilai keagamaan dalam proses pemikiran moral kognitif ketika membuat keputusan.

Pada asasnya pertimbangan moral merujuk kepada pertimbangan kandungan moral yang antaranya melibatkan; penilaian situasi, operasi tindakan, orang, dan tingkah laku. Dasar pertimbangan moral adalah berasaskan perasaan individu. Manakala pemikiran kognitif moral merupakan kajian peranan otak dalam pertimbangan moral dan cara pengambilan keputusan yang dibuat. Jesteru itu, dalam bidang sains sosial, ia melibatkan pemahaman tentang rasionalisasi dan bias yang mempengaruhi keputusan moral terhadap individu atau kelompok individu. Lantas ianya menjadi satu kajian yang kompleks dan mengambil masa yang agak lama untuk mendapat jawapannya. Individu mampu belajar tentang aspek kognitif moral tetapi, tidak bertujuan untuk memberitahu individu apakah pilihan keputusan yang harus mereka buat. Sebaliknya, ia cuba menjelaskan bagaimana dan mengapa individu perlu membuat pilihan moral yang berkesan keatas pilihan yang telah mereka lakukan (Anderson, Baur, Griffith, & Buckley, 2017).

2.0 Kajian Literatur

2.1 Teori Perkembangan Kognitif

Teori Perkembangan Kognitif telah dipelopori oleh Jean Piaget mengkaji perkembangan kognitif kanak-kanak. Teori tersebut dikelaskan kepada dua peringkat: 1) peringkat heteronomous; dan 2) autonomus (Piaget, 1965). Kognitif adalah mekanisme yang menghubungkan seseorang dengan persekitaran (Piaget, 1970). Seseorang akan aktif menterjemahkan persekitaran untuk membentuk makna pengalaman mereka mengikut struktur khusus yang dilaluinya. Piaget juga telah membuat penelitian untuk memahami perkembangan moral dalam kerja-kerja kognitif sosial. Bagaimanapun, pembentukan makna binaan ini terbatas kepada usia dan tidak menonjolkan perkembangan taakulan moral.

Namun, kajian Piaget telah dikritik oleh psikologis lain kerana dianggap tidak mengkaji secara mendalam tentang bagaimana manusia berfikir dan bagaimana manusia boleh membuat keputusan moral. Teori Perkembangan Kognitif Piaget (1973) dirumuskan terlalu kabur dari aspek perubahan pembelajaran yang berterusan secara semula jadi terhadap taakulan moral. Kajian Piaget hanya menggunakan kanak-kanak sebagai subjek kajian. Malahan Piaget tidak mengkaji perkembangan kecerdasan kanak-kanak. Tahap-tahap perkembangan kajian Piaget (1973) ini terbatas kepada usia dan tidak memperlihatkan kepada perkembangan taakulan moral. Atas kekurangan dan kelemahan Teori Perkembangan Kognitif Piaget ini maka, Kohlberg (1969) seorang pakar psikologi dari Universiti Harvard mengambil kesempatan untuk meneliti, mengkaji dan menghalusi kajian Piaget secara lebih mendalam sehingga terbentuk Teori Perkembangan Moral Kognitif Kohlberg (1981). Teori ini telah membangunkan enam peringkat perkembangan moral kognitif dan mencadangkan bahawa setiap orang akan melalui secara meningkat taakulan moral mengikut hierarki enam peringkat tersebut. Kohlberg (1990) membuat kesimpulan bahawa terdapat tiga tahap perkembangan moral: prakonvensional, konvensional dan pascakonvensional. Menurutnya lagi setiap tahap moral mengandungi dua peringkat perkembangan moral kognitif. Setiap peringkat berkembang secara vertikal, bermula dengan struktur kognitif ringkas hinggalah kepada struktur kognitif kompleks. Klasifikasinya adalah seperti berikut:

Tahap Taakulan Prakonvensional:

Pada tahap ini penentu asal nilai moral adalah bersifat luaran kepada individu tersebut. Individu pada tahap ini akan patuh kepada arahan kerana beliau takut menerima hukuman atau untuk memuaskan diri sendiri dan mungkin untuk mengembangkan minatnya. Tahap taakulan prakonvensional ini terbahagi kepada dua peringkat: a) kepatuhan dan hukuman; dan b) mementingkan diri

Tahap taakulan konvensional:

Pada tahap ini pengukuran yang dinilai adalah daripada segi apa yang diharapkan oleh orang lain. Mematuhi peranan-peranan yang ditentukan oleh sistem sosial dan mengekalkan peraturan sosial amat dipentingkan. Tahap taakulan konvensional juga dibahagi kepada dua peringkat: a) kesamaan hubungan individu dan b) mengekalkan undang-undang dan peraturan.

Tahap taakulan pascakonvensional:

Pada tahap ini individu akan mencapai pemahaman bahawa peraturan-peraturan adalah relatif dan nilai yang dibawa adalah subjektif. Nilai hanya diberikan kepada

prinsip-prinsip yang mempunyai kualiti universal. Tahap taakulan pascakonvensional ini dibahagikan kepada dua peringkat: a) kontrak sosial dan b) etika sejagat.

Teori Enam Peringkat Kohlberg mengandungi dua asas aplikasi (Graham, Nosek, Haidt, Iyer, Koleva, & Ditto, 2011). Pertama, ia boleh digunakan untuk menilai tahap perkembangan moral individu pada satu-satu masa. Kohlberg (1981) mendapati bahawa taakulan moral mengikuti corak perkembangan yang jelas. Menurut Kohlberg (1981) lagi perkembangan moral berlaku peringkat demi peringkat secara seragam. Justeru, dapatan kajian mendapati individu yang berada pada peringkat dua tidak melompat ke peringkat empat tetapi bergerak dahulu ke peringkat tiga sebelum mencapai ke peringkat empat. Kajian juga mendapati bahawa penaaakulan moral individu terdorong kepada satu peringkat di atas setelah mendominasi peringkat asalnya (Blatt & Kohlberg, 1975). Lantaran itu, penilaian perkembangan penaaakulan moral mungkin dapat meramalkan pergerakan ke hadapan yang progresif dengan peningkatan peringkat demi peringkat.

Kedua, memperkenalkan dan menggunakan prinsip moral. Kajian bukan sahaja dapat menilai perkembangan penaaakulan moral pada satu tempoh masa, malah boleh menjelajah titik peringkat penaaakulan yang digunakan pada masa tersebut. Sungguhpun analisis terhadap perkembangan ini menemukan peningkatan secara berperingkat. Pada peringkat penaaakulan, individu berkeupayaan mempamirkan kerasionalan mereka sebaik mungkin semasa membuat keputusan moral pada tahap penaaakulan moral yang rendah. Penaaakulan pada peringkat empat tidak mengurangkan keupayaan untuk menilai keadaan daripada peringkat dua dan peringkat tiga. Model Perkembangan Moral Kognitif yang dikemukakan oleh Kohlberg (1969) telah diterima pakai sebagai rujukan ramalan bagi membuat keputusan etika (Kelly, Ferrell & Skinner, 1990). Menurut Colby, Kohlberg, Gibbs, dan Lieberman (1983), kerangka model perkembangan kognitif adalah lanjutan daripada model tiga-tahap Piaget (1965) iaitu: praoperasional senso motor, operasional konkrit, dan operasional formal.

Mischel dan Mischel (1976) selanjutnya mengaitkan kajian pertimbangan moral dengan hubungan antara penaaakulan moral dan tingkah laku moral. Kemudian kajian semula oleh Penaaakulan moral berhubung-kait dengan tingkah-laku moral (Higgins, Power, Kohlberg, 1984; Rest, Narvaez, Bebeau, & Thoma, 1999; Brower, & Shrader, 2000). Manakala, tingkah laku moral adalah fungsi daripada peringkat penaaakulan moral yang berhubungan dengan persekitaran sosio-moral dimana setiap individu terlibat (Derry, 1987; Higgins, Power & Kohlberg 1984; Trevino, 1992). Model Pertimbangan Moral Kohlberg telah memberi sumbangan yang signifikan kepada bidang psikologi moral, bermula dari titik pembinaan dalaman daripada dunia sosial, sehingga kepada proses pemikiran pertimbangan moral seorang individu (Rest, Narvaez, Bebeau, & Thoma, 1999). Namun, banyak pandangan daripada penyelidik penyelidik dalam bidang psikologi dan falsafah menyatakan bahawa pertimbangan moral adalah salah satu komponen psikologi daripada perkembangan moral umum. Teori ini menjelaskan bahawa manusia yang normal akan melalui beberapa proses perkembangan kognitif dan bagaimana proses ini mempengaruhi kelakuan manusia tersebut. Bagaimanapun, pertimbangan moral dalam Model Rest (1979) berbeza daripada Teori Kohlberg (1976).

Teori Kohlberg (1976) menjelaskan permulaan peringkat penakulan adalah keakuran dan kesamarataan menggambarkan keadilan yang wujud antara individu. Sementara teori Rest (1979) menjelaskan konsep keadilan pada setiap peringkat dicirikan oleh sejauh mana

perbezaan konsep dalam sosio-penyatuan boleh disusun (Graham, Nosek, Haidt, Iyer, Koleva, & Ditto, 2011). Rujuk jadual 1.

Jadual 1 Peringkat-peringkat perkembangan moral.

Tahap	Koordinasi jangkaan Tindakan (Bagaimana peraturan diperoleh dan dikongsi)	Skema-skema minat yang seimbang (Bagaimana keseimbangan dicapai)	Konsep asas untuk menentukan hak-hak moral serta tanggungjawab
1	Penjaga akan menyatakan kehendak-kehendak ke atas perlakuan kanak-kanak	Kanak-kanak tersebut tidak terlibat dalam membuat peraturan tetapi memahami bahawa beliau perlu patuh untuk elak daripada hukuman	Makna kepatuhan moral: <i>"apa yang diberitahu"</i> .
2	Walaupun setiap orang mempunyai minat yang berbeza, pertukaran pertolongan dapat diputuskan bersama	Jika kedua-dua pihak mendapat faedah daripada pertukaran ini maka kedua-duanya akan bersetuju	Kepatuhan instrumen moral egoisma dan pertukaran ringkas <i>"mari kita buat satu perjanjian"</i> .
3	Melalui pertukaran peranan, individu akan memperoleh persefahaman mengenai satu sama lain dan corak interaksi mereka.	Hubungan persahabatan akan mencapai kestabilan dan kerjasama. Setiap pihak akan dapat meramal perasaan, kehendak dengan keperluan pihak lain dan bertindak untuk kebajikan pihak lain.	Kepatuhan moral keserasian antara individu: <i>"jadilah seorang yang baik dan bertimbang rasa dan anda akan dapat bergaul dengan orang lain"</i> .
4	Setiap ahli masyarakat tahu apa yang diharapkan melalui undang-undang institusi awam.	Sekiranya sistem kerjasama sosial secara meluas tidak ditubuhkan, individu tidak dapat membuat perancangan. Setiap orang perlu mengikut undang-undang dan membuat kerja sendiri sama seperti orang lain.	Kepatuhan moral terhadap undang-undang dan tugas kepada peraturan sosial setiap ahli masyarakat mestilah patuh kepada undang-undang dan undang-undang akan melindungi mereka.
5	Prosedur formal diguna pakai untuk merangka undang-undang yang akan diterima oleh masyarakat yang rasional.	Prosedur merangka undang-undang direka supaya ia menggambarkan kehendak awam dan pada masa yang sama memberikan hak-hak asas kepada semua. Jika setiap orang mempunyai hak dalam proses membuat keputusan, setiap individu akan lihat bahawa kepentingannya adalah minima tetapi pada masa yang sama ia mempunyai asas untuk membuat dakwaan terhadap orang lain.	Kepatuhan moral mengikut suara masyarakat: <i>"Anda perlu patuh kepada peraturan-peraturan yang telah dipersetujui melalui prosedur-prosedur tertentu"</i> .
6	Keperluan logikal kerjasama sepakat antara orang yang rasional, saksama dan tidak berat sebelah diambil sebagai kriteria untuk organisasi sosial yang boleh diterima oleh setiap orang.	Satu skema kerjasama yang menidakan atau menetralkan pembahagian ketidak samaan hak, dan kebertanggungjawaban yang paling seimbang, untuk memaksimumkan sistem pembahagian kebaikan secara serentak kepada setiap ahli supaya jika peraturan ini tidak diikuti sesetengah ahli akan mendapat kelebihan.	Kepatuhan moral dalam kerjasama sosial terancang: <i>"Bagaimana orang yang rasional dan adil mengatur kerjasama moral"</i> .

Sumber: Rest (1979).

Perkembangan moral adalah bahagian terpenting dalam psikologi moral Rest et al., (1999). Rest telah membangunkan empat komponen model bagi menerangkan pendekatan dan perbezaan aspek moral. Keempat-empat model ini menyatakan proses psikologikal dalaman mempamerkan kepelbagaian tindakan yang membentuk tingkah laku manusia. Empat proses psikologi dalaman tersebut terkandung dalam jadual 2 dibawah.

Jadual 2: Empat Komponen Model Rest et al., (1999).

Proses	Komponen	Kriteria
1	Kepekaan moral	menterjemahkan keadaan dan bagaimana kepelbagaian tindakan diambil yang memberi kesan kepada kepentingan orang lain, menggambarkan kejadian yang berlaku atas rantaian sebab-musabab, dan kewaspadaan permasalahan moral bila ianya wujud.
2	Pertimbangan moral	keadilan bagi tindakan yang diambil menunjukkan lebih jusifikasi dalam sudut moral.
3	Dorongan moral	darjah keiktizaman untuk mencapai hasrat moral dalam tindakan, meletakkan kedudukan tinggi kepada pengadilan moral mengatasi nilai-nilai lain, dan mengambil tanggungjawab sendiri untuk menzahirkan moral.
4	Perwatakan moral	penggerak dalam tugas moral, mempunyai keberanian, mengatasi keletihan dan kemarahan, dan mempamerkan tingkah laku untuk mencapai matlamat moral.

Sumber: *Rest et al., (1999)*.

Kegagalan moral boleh berlaku disebabkan oleh ketidakpatuhan terhadap salah satu daripada empat komponen di atas. Komponen- komponen tersebut merupakan proses yang diperlukan oleh seseorang untuk berkelakuan bermoral (Anwar, 2013). Rest bersama-sama Kohlberg telah membangunkan satu kaedah bagi meneroka penaakulan moral tanpa mengharapkan kemahiran bercakap responden (Rest et al., 1999). Hasilnya ialah enam dilema hipotetikal yang dapat mengenal pasti penaakulan moral seseorang. Ianya menggunakan format ujian pelbagai pilihan. Ujian ini memerlukan responden memberikan nisbah dan menyusun kepentingan keputusan yang dibuat dari persoalan dilema yang diberi. Data ini kemudiannya dikira menggunakan formula berkomputer untuk menghasilkan skor (Rest et al., 1999).

2.1.1 Pertimbangan Moral

Pertimbangan moral bermaksud membuat pertimbangan yang dipengaruhi oleh; a) kepentingan diri membawa kepada membuat pertimbangan yang dipengaruhi oleh b) pandangan luar dan akhirnya pertimbangan yang berasaskan kepada c) keperluan sistem sosial (Anwar, 2013). Pertimbangan moral adalah komponen kedua dalam model Rest (1994) yang selalu dikaji oleh penyelidik. Ia merujuk kepada sebarang tindakan yang dipilih daripada pilihan yang ada di dalam sesuatu situasi. Pertimbangan moral boleh dikesan sejak zaman kanak-kanak seperti, sifat pentingkan diri sendiri kepada kesama rataan (Anwar, 2013). Konsep kesama rataan melibatkan andaian bahawa berlaku pembentukan struktur kognitif apabila terjadi penyerapan pengalaman baharu lalu membentuk struktur yang pelbagai.

Oleh itu, teori perkembangan kognitif membezakan antara struktur dan kandungan. Kandungan yang sama boleh digambarkan oleh struktur yang berbeza dan begitu juga sebaliknya. Struktur taakulan moral sering ditaksir sebagai pertimbangan moral dalam teori perkembangan moral. Konsep yang mendasari tahap pertimbangan moral ialah keadilan. Setiap tahap daripada pertimbangan moral dicirikan oleh konsep keadilan tertentu dan melalui peningkatan pertimbangan moral ini, perkonsep keadilan individu berubah dan meningkat (Rest, 1979). Oleh itu penglibatan keadilan dapat menggambarkan tentang kandungan pertimbangan moral.

2.1.2 Konsep keadilan

Asas pertimbangan moral model Rest (1979) bermula dengan keadilan sosial. Setiap individu yang dilahirkan mempunyai hubungan sesama sendiri dalam kelompok mereka. Setiap individu tersebut mestilah mengimbangi kepentingan diri dengan individu lain dalam hubungan sesama mereka. Lantaran itu, masalah keadilan menjadi salah satu pengimbang kepentingan diri dalam hubungan sosial dan pencapaian keseimbangan. Pemikiran moral ini adalah berdasarkan kepada kewajaran tugas dan kebertanggungjawaban dalam sistem sosial untuk mewujudkan penyatuan dan kestabilan dalam masyarakat mahupun organisasi.

Konsep Model Rest (1979) dalam taakulan moral adalah sebagai fungsi dua faktor utama. Pertama, sebagai '*satu kumpulan konsep yang menjadi pegangan individu*' bagi menjelaskan bagaimana manusia membentuk jangkaan yang matang tentang gabungan tingkah laku mereka. Ini bermula dengan konsep asas dalam perkongsian harapan (norma dan peraturan), dan berakhir dengan konsep dalam kematangan harapan berasaskan logik yang diperlukan untuk sistem penyatuan yang ideal.

Faktor kedua ialah '*tanggapan individu dalam pembahagian kemanfaatan dan kepayahan*', dengan menjelaskan bagaimana pelbagai kepentingan diimbangkan untuk mencapai pembahagian tersebut. Ini dimulakan dengan mengimbangi skema peraturan untuk diikuti dalam peringkat satu penakulan moral berdasarkan keseragaman manfaat yang maksimum kepada setiap ahli dalam sistem sosial pada peringkat enam (Rest, 1979). Lantaran itu, setiap peringkat dalam model Rest (1979) mempunyai berlainan konsep dalam kemoralan yang disebut sebagai 'keadilan'. Kedua-dua faktor ini mengenal pasti konsep utama untuk menentukan penetapan moral dan tanggungjawab bagi setiap perkembangan peringkat. Pemikiran moral mengikut Model Rest (1979) dibentuk atas dasar keadilan sosial yang dicapai melalui imbangan perbezaan kepentingan, kewajaran tugas, serta tanggungjawab bagi menghasilkan penyatuan.

2.1.3 Penstrukturan peringkat

Model Rest (1979) merupakan gabungan dua elemen iaitu; a) perkongsian harapan dan b) perimbangan skema, pada setiap peringkat. Semua maklum balas yang diberikan oleh individu dalam menyelesaikan dilema moral boleh disifatkan sebagai fungsi daripada dua elemen tersebut. Rest (1979) mencadangkan perkara yang penting dianalisis ialah bentuk pertimbangan yang dikemukakan oleh individu dalam menyelesaikan masalah moral. Pemikiran individu dalam kerjasama sosial dalam pengertian hubungan seseorang dengan seorang yang lain adalah berbeza pada setiap peringkat, kemudian meningkat kepada pemikiran individu dalam jaringan institusi sosial. Suatu peringkat penakulan ditunjukkan dengan jelas oleh banyak sudut yang berbeza, tetapi melibatkan konsep dan susunan struktur yang sama.

2.1.4 Penggunaan Struktur Kognitif

Pertimbangan moral dalam model Rest menggunakan konsep peringkat lembut sebagai mana struktur kognitif digunakan oleh seorang individu (Rest, 1979). Model ini merangka peringkat penaaakulan moral seorang individu yang mengadungi pelbagai jenis pemikiran yang dizahirkan oleh beberapa peringkat yang bersebelahan. Ini merupakan fasa peralihan singkat kepada peringkat seterusnya.

Dalam mengukur penaaakulan moral, model Rest (1979) menilai kecenderungan individu menggunakan konsep keadilan berdasarkan kepada kerjasama sosial dalam pemikiran moralnya. Implikasi besar dalam pengukuran penaaakulan moral berpunca daripada perbezaan konsep perhubungan antara kandungan dan struktur, dan keadaan yang sedemikian itu merupakan penstrukturan pada peringkat tersebut. Jika seorang individu melihat aspek undang-undang menurut perspektif mengekalkan peraturan sosial, ia sebenarnya telah menunjukkan penaaakulan moral pada peringkat empat, dan sebaliknya jika seorang individu melihat aspek undang-undang menurut perspektif kekhuatiran akan didakwa sehingga boleh dimasukkan ke dalam penjara, ia telahpun mempamirkan peringkat dua penaaakulan moral. Pengkonsepan Rest (1979) meletakkan skala pada peringkat penaaakulan moral menggambarkan perbezaan perspektif tersebut, tanpa membezakan antara kepelbagaian aspek untuk pengekaln peraturan sosial.

Rest (1979) berpendapat bahawa aspek yang dikemukakan adalah petunjuk kepada tahap perkembangan penaaakulan, sementara Kohlberg (1976) pula menyatakan aspek yang dibangkitkan adalah menggambarkan struktur dan kandungan tahap perkembangan yang tersendiri. Justeru, pengelasan peringkat yang berasingan dalam model Kohlberg (1976) dan kandungan daripada peringkat dalam model Rest (1979) menyarankan pertimbangan yang berbeza bagi mentaksirkan tahap penaaakulan moral.

2.1.5 Skima moral

Definisi skima moral ialah rangka kerja kognitif yang membantu menyusun dan menterjemahkan maklumat. Dalam kajian ini skima adalah padanan tanggapan, hipotesis dan konsep yang membentuk pernyataan kesamaan dan berulang-ulang dalam pengalaman individu (Rumelhart, 1980; Anwar, 2013). Narvaez dan Bock (2002) pula menjelaskan bahawa skema moral penting dalam memahami moral tingkah laku sebagai mana struktur pengetahuan umum mereka digunakan dalam kerjasama sosial, dan membina pengalaman dalam perhubungan sosial. Tiga idea asas yang saling berkait mendasari sains kognitif mempunyai implikasi tertentu untuk kajian pertimbangan moral.

Pertama, sains kognitif membuat andaian mengenai penafsiran pengalaman, bahawa struktur pengkonsepan di dalam minda individu berterusan membangun dan bergantung kepada pengalaman (Rumelhart, 1980; Burman, 2016). Struktur pengkonsepan tersebut dipanggil skima dan berfungsi sebagai mentafsirkan rangsangan. Sungguhpun ia dirasakan sebagai pengalaman sebenar, sesuatu yang disedari ditafsirkan oleh stuktur pemikiran yang sedia ada (Hogarth, 2011). Malah tiada satu pengalaman yang mampu difahami tanpa struktur pemikiran tersebut atau skema. Bukan sahaja tanggapan, tetapi memutuskan keputusan dan penaaakulan adalah diselia oleh skema yang sedia ada (Gigerenzer, & Gaissmaier, 2011). Malahan hampir semua maklum balas individu termasuk pengadilan moral adalah berasaskan kepada skema (Bargh & Chartrand, 1999; Burman, 2016).

Kedua, kebanyakan proses kognitif termasuk membuat keputusan adalah berlaku secara automatik tanpa kesedaran. Sebahagian skema mungkin diaktifkan berpanjangan secara buruk disebabkan beberapa faktor, termasuk persekitaran yang kerap berubah-ubah. Proses yang berlaku secara automatik ini difahami melalui sifat-sifat gabungan daripada berikut: ketidak sukarelaan, autonomi, di luar kesedaran, ketidak sengaja (dimulakan dengan tanpa tujuan), dan ketidak upaya (Bargh, 1989). Banyak tindak balas harian individu majoritinya menunjukkan sifat-sifat tersebut.

Ketiga, perhatian kukuh kepada proses yang tersirat dan penggunaan pengetahuan seseorang dalam membuat keputusan berlaku diluar kesedaran kognitif (Bargh, 1989) dan melampaui keupayaan individu untuk petah berkata-kata. Individu yang mempunyai pengetahuan dan menggunakannya akan lebih dipengaruhi oleh pengetahuan dengan tanpa kesedaran (Reber, 1993; Hogarth, 2011).

Pengertian tentang skema telah memacu kajian-kajian dalam bidang psikologi kognitif untuk beberapa dekad ini (Narvaez & Bock, 2002). Teori klasik skema menjelaskan bahawa skema sebagai struktur pengetahuan umum yang menduduki dalam ingatan jangka Panjang (Rumelhart, 1980). Piaget (1960) pula menjelaskan bahawa skema ialah struktur kognitif yang menyusun operasi aktiviti-aktiviti individu. Untuk mengenal pasti bagaimana fikiran individu memahami sesuatu dan simulasi moral yang relevan, harus difahami bentuk dan fungsi skema secara umum.

Teori skema moden memberikan penjelasan yang lebih kukuh kepada makna skema. Teori Skema Kognitif Derry (1987, 1989) telah menggariskan hierarki skema kepada: a) objek ingatan (unit terkecil yang khusus berkaitan dengan sifat), b) ruang kognitif (objek ingatan yang aktif), dan c) model pemikiran (keseluruhan struktur yang memberi makna dalam keadaan atau pengalaman tertentu). Dalam Teori Skema Kognitif dapat dinyatakan bahawa, kepelbagaian pertimbangan moral yang tinggi menggambarkan lebih besar dan lebih baik penyusunan gabungan objek-objek ingatan dan berupaya aktif dalam ruang kognitif yang luas. Lalu membentuk sebahagian model pemikiran yang pelbagai.

Sungguhpun kajian diperlukan untuk mengenal pasti reka bentuk yang sebenar, namun teori skema kognitif telah meletakkan jangkaan model pemikiran kepada dilema '*Heinz and the drug*'. Model pemikiran seperti ini mengandungi ruang kognitif untuk perkahwinan, pelakuan mencuri, kemanusiaan dan kepatuhan kepada undang-undang. Setiap ruang kognitif tersebut dihimpun dan dimampatkan sebagai objek ingatan. Sebagai contoh, ruang kognitif perkahwinan mungkin termasuk objek ingatan seperti tanggungjawab perkahwinan dan cinta. Manakala, tanggungjawab perkahwinan pula mengandungi sifat-sifat yang saling berkait seperti kesetiaan dan keiktizaman. Seterusnya terdapat banyak lapisan objek ingatan dan ruang kognitif yang berhimpun membentuk model pemikiran.

Individu yang banyak pengalaman telah pun mempunyai lapisan demi lapisan daripada skema yang saling berkaitan. Kemudian individu ini dikatakan mempunyai lebih kepelbagaian dan terperinci dalam model pemikirannya. Tetapi sebaliknya individu yang mempunyai pertimbangan moral pada tahap rendah dinyatakan sebagai mempunyai gabungan (objek ingatan, ruang kognitif dan model pemikiran) yang terhad dan kurang aktif. Narvaez dan Bock (2002) berpendapat skema moral penting dalam memahami moral tingkah laku sebagai mana struktur pengetahuan umum mereka digunakan dalam kerjasama sosial, dan membina pengalaman dalam perhubungan sosial.


2.1.6 Kecekapan moral

Kecekapan moral ditakrifkan sebagai keupayaan menilai kebebasan berperspektif moral, sama ada ianya kekal dengan pandangan seseorang terhadap suatu isu (Lind, 1985). Keadaan ini mencerminkan pada diri seseorang berkeupayaan bukan sahaja untuk berpendirian teguh terhadap prinsip dalaman, malah bertindak secara tekal dalam tingkah lakunya (Kohlberg, 1964). Dalam kajian ini, kecekapan moral pentadbir akademik adalah kemampuan mereka untuk membuat keputusan dan pertimbangan, serta bertindak mengikut pertimbangan yang dibuat (Kohlberg, 1964; Graham, Nosek, Haidt, Iyer, Koleva, & Ditto, 2011).

Kohlberg (1984) menggunakan kepelbagaian cadangan balas untuk dua tujuan: pertama, mentafsir kebebasan dalam pertimbangan, dan kedua, kesahan tahap perkembangan kognitif. Piaget juga mengambil pertimbangan bahawa kepelbagaian cadangan balas dijadikan asas kepada kaedah klinikal. Penterjemahan analisis dan pengesahan kefahaman sebenar subjek menjadi piawaian umum bagi penyelidik menggunakannya untuk menyiasat situasi alternatif hipotetikal, dan kepelbagaian cadangan balas (Burman, 2016). Malah, kajian menunjukkan bahawa maklum balas subjek kepada kepelbagaian cadangan balas telah mempamerkan kecekapan moral mereka. Justeru, ianya digunakan sebagai tugas dalam ujian kecekapan moral (Anwar, 2013).

2.2 Teori Dual-Aspek

Lind (1985) telah mengemukakan teori dual-aspek dalam perkembangan dan tingkah laku moral, dan membina ujian kecekapan pertimbangan moral sebagai kaedah baru pengukuran yang agak berbeza daripada pengukuran kecekapan moral oleh Kohlberg (1984). Lind (2004) berpendapat bahawa struktur umum ini adalah kecekapan moral dan bukan identiti moral atau sikap moral. Dalam model dual-aspek, Lind (2004) menegaskan kecekapan moral berada di antara ideal moral dan Perlakuan moral. Justeru kognitif dan pengaruh luaran adalah berbeza namun ia adalah dua aspek yang tidak boleh dipisahkan dalam kecekapan moral. Bagi melahirkan moral, tingkah laku memerlukan panduan ideal moral atau prinsip. Hubungan ketiga-tiga aspek tingkah laku moral diringkaskan dalam Rajah 1.



Rajah 1. Model Dua Aspek Lind, (2004)

Teori dual-aspek merupakan gabungan banyak pendirian daripada teori perkembangan kognitif yang dibawa oleh Piaget (1965) dan Kohlberg (1979), namun Lind (2008, 2017; Lind, & Wakenhut, 2017) telah membuat penjelasan dan pengubahsuaian untuk teori ini menjadi lebih mantap dan tekal terhadap data-data empirikal. Perkara utama yang relevan untuk mengukur kecekapan moral adalah sebagai berikut:

- i. *Ketidak boleh pisahan*
Mekanisme pengaruh luaran dan kognitif tidak dapat dipisahkan, walaupun berbeza. Pengaruh luaran (nilai dan ideal) dipamirkan melalui tingkah laku moral dalam pelbagai bentuk bergantung kepada struktur kognitif dan kecekapan individu. Justeru, untuk mengukur struktur kognitif dan kecekapan secara tepat, kajian teliti terhadapnya harus difahami. Kecekapan moral tidak dapat diperjelaskan dan diukur tanpa merujuk kepada moral ideal dan prinsip individu. Oleh itu, reka bentuk instrumen pengukuran yang sesuai harus dibina untuk menaksir kedua-dua aspek tersebut sebagai aspek yang berasingan dalam bentuk tingkah laku yang sama (Piaget, 1976; Lind, 2002, 2008).
- ii. *Tugasan moral*
Bagi mengukur kecekapan moral, instrumen mestilah mengadungi tugasan moral yang memerlukan kecekapan untuk menyelesaikan tugasan tersebut. Tugasan yang wajar diperlukan oleh individu untuk mempertimbang dilema moral dan memberi agregat penisbahan kepada kepelbagaian cadangan balas atau memberikan hujah yang menolak dan hujah yang menyokong di dalam satu dilema pada pandangan subjek (Lind & Wakenhut, 2017).
- iii. *Ketidakpalsuan*
Bagi memperoleh kebolehpercayaan pengukuran kecekapan moral, individu mestilah tidak memberikan maklumat palsu supaya skor ujian menjadi tinggi (Lind, 2002, 2004). Kepekaan kepada perubahan sungguhpun skor ujian kecekapan moral tidak boleh ditinggikan dengan kepalsuan maklumat, namun ianya harus peka untuk berubah kepada keadaan yang sebenar dalam julat skala yang luas. Perubahan berlaku sama ada terjadi peningkatan skor kecekapan bila berlaku pembelajaran moral dan campur tangan luar, atau penurunan skor apabila berlaku penghakisan kecekapan.
- v. *Prinsip moral dalaman*
Agregat skor kecekapan moral mestilah diambil daripada prinsip moral diri individu sendiri, dan tidak dipengaruhi oleh moral luaran (Kohlberg, 1964).
- vi. *Quasi-simplex*
Jika ujian dilema menuntut pertimbangan prinsip moral, penerimaan pengelasan untuk setiap peringkat mestilah menyokong tanggapan bahawa penyusunannya secara teratur, justeru koralasi dalam kalangan pengelasan mesti membentuk struktur quasi-simplex (Lind, 2000; 2017).
- vii. *Kesejajaran*
Sungguhpun aspek pengaruh luaran dan kognitif dalam tingkah laku kecekapan moral berlainan dan bebas namun kedua-dua aspek ini mestilah sejajar. Justeru korelasi antara kedua-dua aspek tersebut haruslah tinggi (Lind, 2002; 2017).
- viii. Keseimbangan hujah yang menyokong dan menolak untuk membolehkan kecekapan moral individu diukur tanpa mengambil kira pendirian tertentu terhadap dilema yang dikemukakan, mereka mestilah dihadapkan dengan hujah yang menyokong dan menolak yang seimbang bagi pendirian tersebut.

Teori ini merupakan konsep inovatif yang menjelaskan bahawa moral individu bukan sahaja apa yang difaham tentang moral tetapi juga keupayaan untuk bertindak mengikut moral tersebut. Seterusnya, kecekapan moral di terjemahkan sebagai perasaan dalaman individu tentang apa yang boleh diterima disamping mengakui nilai dan norma-norma sosial. Oleh itu, konsep kecekapan moral menggabungkan aspek afektif, kognitif dan tingkah-laku moral dalam satu komponen yang dapat diukur sebagai satu parameter yang lebih berkesan (Lind, 2017; Lind, & Wakenhut, 2017).

2.3 Tempoh Perkhidmatan

Kelley, Ferrell dan Skinner (1990) merumuskan bahawa taakulan moral pekerja yang berkhidmat melebihi 10 tahun adalah lebih baik berbanding dengan pekerja yang telah berkhidmat selama tiga hingga lima tahun. Sebaliknya kajian Ford & Richardson (1994) ke atas pengurus, mendapati tiada hubungan yang signifikan antara taakulan moral dan tempoh jawatan disandang. Begitu juga Ponemon & Ponemon, & Glazer, (1990) yang membuat kajian ke atas pelajar dan alumni yang telah diambil berkerja melebihi lima tahun di firma-firma tempatan, mendapati tidak ada perbezaan signifikan ke atas skor Ujian Penjelasan Isu (DIT) yang dibangunkan oleh Rest (1979).

Kajian ke atas pelajar kejururawatan, sebelum memasuki kolej dan selepas menamatkan pengajian, menunjukkan tiada hubungan signifikan antara taakulan moral dan peningkatan pengalaman dan penampilannya (Duckett & Ryden, 1994). Ponemon (1990) membuat kajian ke atas pelatih-pelatih yang berkerja di pelbagai firma tempatan juga telah mendapati mereka yang mempunyai tahap pengalaman tinggi menunjukkan skor DIT yang rendah. Namun menurut Rest (1986), kajian empirikal pelbagai disiplin telah menunjukkan hubungan yang positif antara pengalaman kerja dan tahap taakulan moral. Osgood (2002) pula mendapati hasil kajiannya ke atas perancang kewangan menunjukkan wujud korelasi negatif antara kecenderungan beretika dengan lama tempoh jawatan disandang.

Secara umumnya dapat disimpulkan bahawa, pemikiran yang masih muda mengalami kesukaran untuk membangun dalam banyak sudut, tetapi pengalaman khusus yang berterusan berupaya untuk menjayakan peluang yang ada kerana tempoh awal pengalaman, berlaku penyusunan yang baik kepada deria dan membangun sebahagian daripada keupayaan individu. Sehubungan itu, tempoh pengalaman yang dilalui adalah penting dalam perkembangan moral.

2.4 Tahap Pendidikan

Teori psikologi moral menyatakan etika atau penaakulan moral boleh dibezakan daripada semua proses mental melalui tiga aspek berikut: (1) kognitif berasaskan nilai, (2) pengadilan berasaskan penglibatan individu dan sekutu mereka, dan (3) pengadilan dirangka oleh isu-isu "sepatutnya" (Ponemon & Glazer, 1990). Proses pendidikan memberikan pengaruh kepada proses perkembangan mental ini. Ponemon & Blazer, (1990) mendapati penaakulan moral pelajar jurusan perakaunan bertambah semasa di dalam kolej, dan kajian yang sama telah dilakukan oleh Amrstrong (1987) mendapati pendidikan meningkatkan lagi tahap penaakulan moral.


Menurut Rest, Thoma, & Bebeau, (1999), kajian selama 20 tahun dalam pelbagai bidang menunjukkan selagi mana responden mengikuti pendidikan secara formal (iaitu selepas pendidikan pra-universiti) perkembangan moral mereka menjurus kepada bertambah tinggi.

Kajian silang rentas selama 10 tahun yang dilakukan oleh Rest (1986) juga mendapati, pendidikan formal adalah peramal yang baik untuk perkembangan moral berbanding kronologi usia. Kajian meta-analisis perkembangan moral ke atas pelajar perakaunan mendapati keputusan yang menyokong hubungan peningkatan pendidikan di kolej dalam perkembangan moral (Borkowski & Ugras, 1998).

Kajian mengenai perkembangan moral kognitif ke atas pentadbir awam mendapati wujud hubungan yang signifikan antara perkembangan moral dan pembolehubah tertentu seperti umur, pendidikan, jantina dan latihan etika (Drumm, 2003). Kajian ini meletakkan pentadbir akademik sebagai subjek untuk melihat taakulan moral mereka dalam aspek-aspek kecekapan moral, pertimbangan moral, skima moral dan Perlakuan moral.

3.0 Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan diatas penulis ingin mengemukakan cadangan kerangka kajian untuk dikaji berdasarkan kepada sumber-sumber rujukan literatur yang telah dibincangkan diatas. Kerangka konsep kajian (rajah 2) telah dicadangkan untuk mengenalpasti kecekapan moral, pertimbangan moral, skima moral dan Perlakuan moral pentadbir organisasi sewaktu berhadapan dengan dilemma moral. Kerangka kosep kajian ini adalah berasaskan Teori Perkembangan Moral Kognitif, Kohlberg (1979,1981, 1991), Model Empat Komponen Rest (1979) dan Model Dual Aspek Lind (2004, 2008, 2017) telah dipilih sebagai panduan kajian yang dicadangkan. Pembolehubah tidak bersandar terdiri daripada; (1) tempoh perkhidmatan; (2) tahap pendidikan; dan (3) skima moral. Pembolehubah bersandar adalah; 1) Perlakuan moral. Pembolehubah ‘mediator’ adalah; (1) kecekapan moral; (2) pertimbangan moral.



Rajah 2. Kerangka Konsep Kajian

Penulis mencadangkan kajian ini menggunakan model persamaan struktur (SEM) seperti yang telah disyorkan dalam penyelidikan (Ali, Rasoolimanesh, Sarstedt, Ruingle & Ryu, 2018). Model persamaan struktur berkeupayaan untuk menyelesaikan masalah penyelidikan yang berkaitan dengan hubungan kaunsal antara pembinaan laten dan pembolehubah

bersandar terutamanya dalam kajian tingkah laku hubungan manusia (Nunkoo, Ramkissoon, & Gursoy, 2013). Penyelidik sering berhadapan dengan satu set soalan yang berkaitan, oleh itu, keperluan untuk mengunapakai SEM menjadi penting untuk penyelidikan yang berkualiti (Rönkkö, McIntosh, Antonakis, & Edwards, 2016). SEM dilihat sebagai alat pemodelan fleksibel untuk menjalankan analisis statistik seperti analisis regresi, analisis laluan, analisis faktor, analisis korela kanonikal dan pemodelan pertumbuhan lengkung.

Kelebihan SEM adalah mereka membenarkan penyelidik untuk a) menghubungkan model ujian dikalangan pembolehubah pelbagai dan pembolehubah kriteria; b) ujian membina pembolehubah laten yang tidak dapat diamati, c) kesilapan ujian model dalam pengukuran untuk pembolehubah yang diperhatikan dan d) menguji statistik andaian teori dan pengukuran terhadap data empirikal (Jamaludin, 2018).

Rujukan

- Ali, F., Rasoolimanesh, S. M., Sarstedt, M., Ringle, C. M., & Ryu, K. (2018). An assessment of the use of partial least squares structural equation modeling (PLS-SEM) in hospitality research. *International Journal of Contemporary Hospitality Management*, 30(1), 514–538. <https://doi.org/10.1108/IJCHM-10-2016-0568>
- Anderson, H. J., Baur, J. E., Griffith, J. A., & Buckley, M. R. (2017). What works for you may not work for (Gen) Me: Limitations of present leadership theories for the new generation. *The Leadership Quarterly*, 28(1), 245-260.
- Anderson, N.H. (1991). Moral-social development. In N.H. Anderson (Ed.). *Information integration theory, Volume III: Development*. Hillsdale, NJ: Erlbaum, 137-187
- Anwar, L. (2013). *Pertimbangan moral dan kecekapan moral dalam kalangan pentadbir akademik di institusi pengajian tinggi awam*. Disertasi Kedoktoran, Universiti Putra Malaysia.
- Armstrong, M. (1987). Moral Development and Accounting Education. *Journal of Accounting Education*, 27 – 43.
- Bargh, J. A. & Chartrand, T. L. (1999). The unbearable automaticity of being. *American Psychologist*, 54, 462 – 479.
- Bargh, J. A. (1989). Conditional automaticity: varieties of automatic influence on social perception and cognition, In J. S. Uleman & J. A. Bargh (Eds). *Unintended Thought*, New York, Guilford Press. Blasi (1980) 3 – 51.
- Blatt, M., Kohlberg, L. (1975). The effects of classroom discussion programs upon children's level of moral development. *Journal of Moral Education*, 4, 129-161.
- Borkowski, S. C., & Ugras, Y. J. (1998). Business students and ethics: A meta-analysis. *Journal of Business Ethics*, 17(11), 1117-1127.
- Brower, H. H., & Shrader, C. B. (2000). Moral reasoning and ethical climate: Not-for-profit vs. for-profit boards of directors. *Journal of Business Ethics*, 26(2), 147-167.
- Burman, E. (2016). *Deconstructing developmental psychology*. Taylor & Francis.
- Colby, A., Kohlberg, L., Gibb, J., & Lieberman, M. (1983). A Longitudinal Study of Moral Judgment. *Monographs of the Society for Research in Child Development*, 48 (1 – 2, Serial No. 200).
- Derry, R. (1987). Moral Reasoning in Work-Related Conflicts, in W.C. Frederick (ed.), *Research in Corporate Social Performance and Policy: Empirical Studies of Business Ethics and Values*, JAI Press, Greenwich, CT, 9, 25- 50.
- Derry, R. (1989) An Empirical Study of Moral Reasoning Among Managers. *Journal of Business Ethics*, 8, 855 – 862.

- Drumm, M. (2003). *The Ethical and Moral Development Difference of Municipal Department Heads Based on the Defining Issues Test*. Unpublished doctoral dissertation, Nova Southeastern University.
- Duckett, L. J & Ryden, M. B. (1994). Education for Ethical Nursing Practice. *Moral Development in the Professions: Psychology and Applied Ethics*. Rest, J. R. and Narvaez, D. (Ed). New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates
- Gigerenzer, G., & Gaissmaier, W. (2011). Heuristic decision making. *Annual review of psychology*, 62, 451-482.
- Graham, J., Nosek, B. A., Haidt, J., Iyer, R., Koleva, S., & Ditto, P. H. (2011). Mapping the moral domain. *Journal of personality and social psychology*, 101(2), 366.
- Graham, J., Nosek, B. A., Haidt, J., Iyer, R., Koleva, S., & Ditto, P. H. (2011). Mapping the moral domain. *Journal of personality and social psychology*, 101(2), 366.
- Higgins, A., C. Power and L. Kohlberg. (1984). The Relationships of Moral Atmosphere to Judgments of Responsibility, in W. Kurtines and J. Gewirtz (eds.), *Morality, Moral Behaviour, and Moral Development* (Wiley, New York), 74-106.
- Hogarth, R. M. (2011). On the learning of intuition. In *Intuition in judgment and decision making*. Psychology Press, 111-126.
- Jamaludin, M., (2018). *Influence of user-generated content on destination loyalty among domestic millennials in Pulau Pangkor, Malaysia*. Published doctoral dissertation. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Kelly, S. W. Ferrell, O. C., & Skinner, S. J. (1990). Ethical Behaviour Among Marketing Research: An Assessment of Selected Demographic Characteristic. *Journal of Business Ethics*. 9, 681 – 688.
- Kohlberg, L. & Higgins, A. (1984). Continuities and discontinuities in childhood and adult development revisited – Again. In: L. Kohlberg, ed., *Essays on moral development, Vol. II. The psychology of moral development*, San Francisco: Harper & Row, 426-497.
- Kohlberg, L. (1964). Development of moral character and moral ideology. In M.L. Hoffman & L.W. Hoffman, eds., *Review of child development research, Vol. I*. New York: Russel Sage Foundation, S. 381-431.
- Kohlberg, L. (1969). Stage and sequence: The cognitive-developmental approach to socialization. In D.A. Goslin (ED.) *Handbook of socialization theory and research*. Chicago: Rand-McNally.
- Kohlberg, L. (1976). Moral stages and moralization. In T. Lickona (Ed.), *Moral development and behaviour* New York: Holt, Rinehart & Winston, 31-53.
- Kohlberg, L. (1977). Moral development, ego development, and psychoeducational practices. In D. Miller (Ed.), *Development theory*, St. Paul: Minnesota Department of Education.
- Kohlberg, L. (1981). *Essays in Moral Development, Volume I: The Philosophy of Moral Development*, Harper and Row, New York.
- Kohlberg, L. (1981). *The Meaning and Measurement of Moral Development*. Worcester, Mass.: Clark University Press.
- Kohlberg, L. (1984). *The psychology of moral development*. San Francisco: Harper & Row.
- Kohlberg, L. (1985). *Kohlberg's stages of moral development*. *WC Crain, Theories of development*, 118-136.
- Kohlberg, L. (1985). The just community approach to moral education in theory and practice. *Moral education: Theory and application*, 27-87.
- Kohlberg, L., Boyd, D., & Levine, C. (1990). The return of Stage 6: Its principle and moral point of view. In T.E. Wren, (Ed.), *The moral domain: Essays in the ongoing discussion between philosophy and the social sciences*, Cambridge, MA: MIT Press, 151-181.
- Lampe, J. C., Finn, D. W., Gaa, J., & Malley, P. L. (1992). A model of auditors' ethical decision processes; Discussions; Reply. *Auditing*, 11, 33.

- Lind, G. (1985). The theory of moral-cognitive judgment: A sociopsychological assessment. In: G. Lind, H.A. Hartmann & R. Wakenhut, eds., *Moral development and the social environment. Studies in the philosophy and psychology of moral judgment and education*. Chicago: Precedents Publishing Inc. (New Brunswick: Transaction Books), 21-53.
- Lind, G. (2002). Measurement of Moral Competence. *The meaning and measurement of moral judgment competence – A Dual Aspect Model*. Chi. of Konstant.
- Lind, G. (2004). The meaning and measurement of moral judgment competence--A dual aspect theory. To be published in D. Fasko & Willis, eds., *Contemporary Philosophical and Psychological Perspectives on Moral Development and Education*. Creskill.
- Lind, G. (2008). The meaning and measurement of moral judgment competence: A dual-aspect model.
- Lind, G. (2017). The theory of moral-cognitive development a socio-psychological assessment. In *Moral Judgments and Social Education*. Routledge, 25-48.
- Lind, G., & Wakenhut, R. (2017). Testing for moral judgment competence. In *Moral judgments and social education*. Routledge, 25-48.
- McNeel, S. P. (1994). College teaching and student moral development. *Moral development in the professions: Psychology and applied ethics*, 27-49.
- Michel, W. and H.N. Mischel (1976). A Cognitive Social Learning Approach to Morality and Self-Regulation, in T. Lickona (ed.), *Moral Development and Behaviour*. Holt, Rinehart & Winston, New York, 84-107.
- Morales-Sánchez, R., & Cabello-Medina, C. (2013). The role of four universal moral competencies in ethical decision-making. *Journal of Business Ethics*, 116(4), 717-734.
- Narvaez, D., & Bock, T. (2002). Moral Schemas and Tacit Judgement or How the Defining Issues Test is Supported by Cognitive Science. *Journal of Moral Education*, 31 (3), 297 – 314.
- Nilsen, P. (2020). Making sense of implementation theories, models, and frameworks. In *Implementation Science 3.0* Springer, Cham, 53-79.
- Nunkoo, R., Ramkissoon, H., & Gursoy, D. (2013). Use of structural equation modeling in tourism research: past, present, and future. *Journal of Travel Research*, 52(6), 759–771.
- Oberweis, T., & Musheno, M. (2017). *Revival: Knowing Rights (2001): State Actors' Stories of Power, Identity and Morality*. Routledge.
- Osgood, R. (2002). *A study of the Cognitive Moral Development Theory and Ethic in Municipal Government*. Unpublished doctoral dissertation, Nova South Eastern University.
- PEMANDU. (2014). *Annual Report 2014 Review. Economic transformation programme*. Jabatan Perdana Menteri Malaysia. <https://doi.org/10.3233/WOR-141920>
- PEMANDU. (2015). *Annual Report 2015. National Transformation Program*.
- Perdana Menteri Malaysia (2020). Perutusan Khas COVID-19 Perdana Menteri Malaysia 16 Mac 2020. <https://www.pmo.gov.my/ms/2020/03/perutusan-khas-yab-perdana-menteri-mengenai-covid-19-16-mac-2020-2/>
- Piaget, J. (1965). *The moral judgment of the child*. New York: The Free Press.
- Piaget, J. (1970). *Genetic epistemology*. Trans. E. Duckworth.
- Piaget, J. (1973). *The child and reality: Problems of genetic psychology*. (Trans. Arnold Rosin). Grossman.
- Ponemon, L. (1990). Ethical Judgment in Accounting. A cognitive Developmental Perspective. *Critical Perspectives on Accounting*, 191 – 215.
- Ponemon, L., & Glazer, A. (1990). Accounting education and ethical development: The influence of liberal learning on students and alumni in accounting practice. *Issues in Accounting Education*, 5(2), 195-208.

- Rahim, M. A. (2010). *Managing conflict in organizations*. Transaction publishers.
- Rammstedt, B., & Rammsayer, T. H. (2002). Self-estimated intelligence: Gender differences, relationship to psychometric intelligence and moderating effects of level of education. *European Psychologist*, 7(4), 275.
- Rest, J. (1986). Moral development. *Advances in research and theory*. New York: Praeger.
- Rest, J. R. (1984). The major components of morality. *Morality, moral behavior, and moral development*, 24-38
- Rest, J. R. (1994). Background: Theory and research. *Moral development in the professions: Psychology and applied ethics*, 1-26.
- Rest, J. R. (Ed.). (1994). *Moral development in the professions: Psychology and applied ethics*. Psychology Press.
- Rest, J. R., & Narvaez, D. (1979). *Defining issues test*. University of Minnesota, Minnesota moral research project.
- Rest, J. R., Thoma, S. J., & Bebeau, M. J. (1999). *Postconventional moral thinking: A neo-Kohlbergian approach*. Psychology Press.
- Rest, J., Narvaez, D., Bebeau, M., & Thoma, S. (1999). A neo-Kohlbergian approach: The DIT and schema theory. *Educational Psychology Review*, 11(4), 291-324.
- Rest, J., Thoma, S., & Edwards, L. (1997). Designing and Validating a Measure of Moral Judgment: Stage Preference and Stage Consistency Approaches. *Journal of Educational Psychology*, 89(1), 5-28.
- Rest, James (1979). Development in Judging Moral Issues. *University of Minnesota Issues*. University of Minnesota Press.
- Rönkkö, M., McIntosh, C. N., Antonakis, J., & Edwards, J. R. (2016). Partial least squares path modeling: Time for some serious second thoughts. *Journal of Operations Management*, (Article in Press), 1–19. <https://doi.org/10.1016/j.jom.2016.05.002>
- Sin, C. N. (2006). *The Relationship Between Ethical Work Climate, Ethical Factors, and Their Influence on Moral Judgement Competence*. Unpublished doctoral dissertation. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Standing, M. (2020). *Clinical judgement and decision making in nursing*. Learning Matters.